

Jadi Gen Bijak & Menang ("Kempen")

A) Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini akan bermula dari jam 00:00 (GMT + 8) pada 20 Oktober 2025 sehingga jam 23:59 (GMT + 8) pada 31 Mac 2026 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakny.
3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta Kempen ("Peserta") bersetuju untuk terikat dengan terma and syarat di bawah.

4. **Komponen Kempen**

4.1 Kempen ini mempunyai tiga komponen:

- i. **Pendaftaran Baharu bagi Pemegang Unit (PU) Bawah Umur dan Melabur RM10.00 sahaja;**
- ii. **Pelaburan Berperingkat; dan**
- iii. **Cabutan Bertuah**

4.2 Setiap komponen akan mempunyai tempoh yang berbeza yang dijadualkan sepanjang Tempoh Kempen:

Pendaftaran Baharu bagi PU Bawah Umur dan Melabur RM10.00 sahaja	Pelaburan Berperingkat Peringkat A	Pelaburan Berperingkat Peringkat B	Cabutan Bertuah
20 Oktober 2025 hingga 31 Januari 2026	20 Oktober 2025 hingga 31 Mac 2026	1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026	20 Oktober 2025 hingga 31 Januari 2026

5. **Kelayakan dan Mekanik Kempen**

- 5.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit sedia ada dan baharu bagi Akaun Bijak atau Akaun Remaja (Akaun Bawah Umur) dalam semua tabung unit amanah ASNB ("Unit Amanah ASNB"), termasuklah semua kakitangan dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kumpulan syarikat milik Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("Kumpulan PNB").
- 5.2 Walau bagaimanapun, kakitangan syarikat Kumpulan PNB dan keluarga terdekat hanya layak memenangi hadiah ke-4 dan ke-5 dalam Cabutan Bertuah, dengan maksimum satu (1) pemenang bagi setiap hadiah.
- 5.3 Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

Komponen Kempen	Syarat Penyertaan	Platform	Pendaftaran
Pendaftaran Baharu bagi PU Bawah Umur & Melabur RM10.00 sahaja	Buka Akaun Bawah Umur Baharu dan labur RM10.00 sahaja	Kaunter ("OTC") di cawangan ASNB	Pendaftaran tidak diperlukan
Pelaburan Berperingkat	Melabur ke dalam Akaun Bawah Umur mengikut peringkat berikut: Pelaburan Peringkat A: i. Tier 1: RM100.00 – RM499.00 ii. Tier 2: RM500.00 – RM999.00 Pelaburan Peringkat B: i. Tier 3: RM1,000.00 – RM2,999.00 ii. Tier 4: RM3,000.00 dan ke atas	Melalui mana-mana platform (seperti yang dinyatakan di bawah)	Pendaftaran tidak diperlukan
Cabutan Bertuah	• Buat pelaburan minimum sebanyak RM100.00 sahaja ke dalam Akaun Bawah Umur • Setiap RM100.00 yang dilaburkan bersamaan dengan satu (1) tiket cabutan bertuah	Melalui mana-mana platform (seperti yang dinyatakan di bawah)	Peserta mesti mendaftar untuk Kempen ini dengan kaedah berikut: i. Mengisi borang Microsoft melalui kod QR yang dipaparkan dalam semua bahan promosi rasmi Kempen; ATAU ii. Mengisi frasa 'GENBIJAK' pada ruangan kod rujukan semasa membuat pelaburan melalui myASNB

5.4 Untuk Pelaburan Berperingkat dan Cabutan Bertuah, Peserta mesti telah berjaya melabur melalui mana-mana platform berikut:

- i. OTC di cawangan ASNB dan ejen-ejennya;
- ii. myASNB iaitu melalui portal (www.myasnb.com.my) dan/atau aplikasi mudah alih;
- iii. Perbankan internet ejen-ejen ASNB yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB termasuk MAE, Maybank2u, CIMB Octo, CIMB Clicks, RHB Now, Affin Online, HLB Connect, Bank Islam GO and AmOnline;
- iv. Ejen digital ASNB termasuk TouchnGo eWallet dan mana-mana ejen digital yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
- v. Mesin ATM Maybank dan CIMB Bank atau mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
- vi. Skim Potongan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta);
- vii. Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional; atau
- viii. Auto Labur melalui myASNB portal dan/atau aplikasi mudah alih.

5.5 Untuk layak menyertai Cabutan Bertuah, Peserta tidak dibenarkan melakukan sebarang transaksi jualan balik, penukaran atau pemindahan (kecuali transaksi pemindahan bagi Wakaf ASNB) dalam Unit Amanah ASNB sepanjang Tempoh Kempen.

5.6 Peserta Cabutan Bertuah juga layak untuk menyertai dan memenangi kempen-kempen lain yang sedang berlangsung yang dianjurkan oleh ASNB.

6. Pemilihan Pemenang dan Hadiah Kempen

6.1 Kempen ini menawarkan hadiah dan barangan eksklusif seperti berikut:

i. Pendaftaran Baharu bagi PU Bawah Umur & Pelaburan Berperingkat

Komponen	Syarat Penyertaan	Barangan	Bilangan Penerima
Pendaftaran Baharu bagi PU Bawah Umur & Melabur RM10.00 sahaja	Buka Akaun Bawah Umur Baharu dan labur RM10.00 sahaja	Lembaran pelekat	20,000
Pelaburan Peringkat A	Tier 1: Labur RM100.00 – RM499.00	Buku aktiviti	20,000
	Tier 2: Labur RM500.00 – RM999.00	Beg silang Along Bijak	18,000
Pelaburan Peringkat B	Tier 3: Labur RM1,000.00 – RM2,999.00	Plushie Along Bijak	5,000
	Tier 4: Labur RM3,000 dan ke atas	Tabung Along Bijak	5,000

ii. Cabutan Bertuah

Hadiah	Item	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Pas Tahunan Legoland untuk keluarga seramai empat (4) orang	10
Hadiah Kedua	Baucar Kinokuniya bernilai RM500.00 sahaja	20
Hadiah Ketiga	Baucar Decathlon bernilai RM300.00 sahaja	30
Hadiah Keempat	Keahlian keluarga Petrosains	18
Hadiah Kelima	Tiket KidZania	40

- 6.2 Barangan eksklusif untuk Pendaftaran PU Bawah Umur Baharu dan Pelaburan Berperingkat adalah terhad kepada enam puluh lapan ribu (68,000) penerima sahaja, berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan boleh ditebus serta-merta di mana-mana cawangan ASNB selagi stok masih ada, tertakluk kepada terma dan syarat ini.
- 6.3 Untuk menebus barangan eksklusif bagi Pelaburan Berperingkat, Peserta mesti mengemukakan bukti transaksi pelaburan yang layak melalui mana-mana platform yang dibenarkan oleh ASNB.
- 6.4 Peserta hanya layak menerima satu (1) barangan eksklusif bagi setiap tempoh pelaburan berperingkat sepanjang Tempoh Kempen.
- 6.5 Pemenang Cabutan Bertuah akan dipilih secara rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.
- 6.6 Hadiah Cabutan Bertuah akan diberikan kepada pemenang dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen dan/atau selepas sebarang keperluan yang berkaitan dengan penyerahan hadiah dipenuhi.
- 6.7 Hadiah-hadiah kempen tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak. Semua pelaburan permulaan dan/atau caj berkaitan yang diperlukan untuk menebus hadiah akan ditanggung oleh pemenang.
- 6.8 Pemenang Cabutan Bertuah akan diumumkan melalui media sosial ASNB, laman web dan/atau mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, mengikut budi bicara mutlak ASNB.

B) Terma dan Syarat Am

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
 - 1.1 mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") mengikut dasar privasi ASNB yang dinyatakan di laman web ASNB di www.asnb.com.my; dan
 - 1.2 mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi antara kumpulan syarikat kami, ejen yang dibenarkan dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menjaga kerahsiaan Data Peribadi anda) untuk tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kami atau mana-mana perkhidmatan berkaitan dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan mengikut keperluan undang-undang yang relevan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
2. Semua pemenang Kempen ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang terpakai berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB dan Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul berhubung dengan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah ASNB.
5. ASNB berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan, atau sebahagian, atau mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat di sini dengan memberikan notis bertulis melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai kepada Peserta.
6. ASNB berhak untuk menentukan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan adalah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan salah laku dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen ini.

7. ASNB dan Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
8. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, pemadaman, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada cetakan atau elektronik, yang mengiklankan Kempen ini.
9. Sebarang keputusan oleh ASNB mengenai senarai pemenang Kempen ini untuk hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
10. Jika pemenang Kempen ini tidak memberi respon/gagal dihubungi oleh ASNB dalam tempoh yang ditetapkan melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.
11. Terma dan syarat Kempen ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia.
12. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua bahasa, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan di antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.